

08/08/2003

Dr Siti Hasmah terima DPUN Pulau Pinang

GEORGETOWN: Keperibadian unggul isteri Perdana Menteri sebagai antara wanita Melayu yang menjadi perintis menceburi kerjaya dalam bidang perubatan mendapat pengiktirafan tertinggi Kerajaan Pulau Pinang, semalam.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, 77, menerima Darjah Utama Pangkuan Negeri (DPUN) yang membawa gelaran `Datuk Seri Utama' sempena ulang tahun ke-65 Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas.

Abdul Rahman menyampaikan DPUN kepada Dr Siti Hasmah dalam satu upacara ringkas di Rumah Tetamu, Jalan Macalister di sini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isteri, Puan Sri Chui Kah Peng; anak Dr Siti Hasmah, Datuk Paduka Marina Mahathir; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Khalid Ramli.

Dr Siti Hasmah yang dilahirkan di Selangor pada 1926 adalah wanita Melayu pertama ditawarkan memasuki bidang perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura.

Pada 1955, beliau menerima Ijazah Doktor Perubatan daripada Fakulti Perubatan Universiti Malaya Singapura.

Pada 1965, Dr Siti Hasmah menempa sejarah sebagai doktor wanita pertama dilantik sebagai Pegawai Perubatan dalam perkhidmatan awam di Kedah.

Pada 1974, sekali lagi beliau muncul wanita pertama dilantik menjadi Pegawai Kesihatan Negeri di Bahagian Kesihatan Ibu Mengandung dan Kanak-kanak, Jabatan Kesihatan Kedah.